



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 27 RABU 5 JULAI, 1967.

1387 ربيع الاول 27

PERCHUMA

Pelajaran: pintu terbuka untok raayat menuntut lebeh tinggi

SUBOK — Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof telah menjelaskan tentang kesediaan Kerajaan terhadap tanggung jawab bagi kemajuan lapangan pelajaran di-kalangan ra'ayat negeri ini.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof menegaskan bahawa Kerajaan ada-lah sentiasa bersedia pada menunaikan tanggung-jawap untok membuka pintu sa-luas2-nya bagi ra'ayat negeri ini untok menuntut pelajaran dalam segala lapangan yang perlu di-dapati oleh mereka.

"Usaha yang demikian ini dapat-lah di-buktikan dan di-akui jika di-tinjau dari segala apa yang telah di-jalankan oleh Kerajaan dalam ranchangan memberi peluang sa-luas2-nya menuntut ilmu pelajaran", tegas beliau.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok yang telah berlangsung pada hari Juma'at yang lepas.

Yang Amat Berhormat itu menerangkan bahawa sejak beberapa tahun yang lalu, Kerajaan sudah pun menghantar beratus2 orang anak2 tempatan keluar negeri untok melanjutkan pelajaran mereka hingga ka-universiti2.

ASAS KEMAJUAN

Sa-bahagian dari mereka, tegas beliau, telah pun balek ka-tanah ayer dengan mendapat kelulusan2 yang tinggi dan mereka masa ini berkhidmat dalam jabatan2 kerajaan yang penting.

Mengenai asas kemajuan sa-sabuah negara, Pgn. Dato Seri Paduka Haji Mohd. Yusof menegaskan bahawa tidak dapat di-sangkal kemajuan sa-sabuah negara itu tidak akan terlaksana jika ra'ayat-nya tidak mempunyai pendidikan yang sempurna.

"Maka itu, tegas beliau, pelajaran ia-lah satu dasar yang di-utamakan oleh Kerajaan dan pintu untok menuntut ilmu pengetahuan ada-lah sentiasa terbuka kepada ra'ayat yang berkebolehan.

Di-samping itu, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd.

Yusof telah menyebut dua kata2 hikmat menuntut pelajaran yang berbunyi "Ilmu pelita hidup" dan "Pengetahuan suloh budiman" yang di-sifatkan beliau sa-bagai kata2 pendurong yang amat berfa'edah.

Tetapi beliau ingin menyertai para penchipta kata2 yang berhikmat itu dengan menambah bahawa "pelajaran dan pengetahuan itu ada-lah merupakan pedoman bagi menuju kemajuan sa-buah negara yang sedar."

Oleh itu, tegas beliau kita harus bekerja keras pada menunaikan apa yang di-perlukan oleh masa dan keadaan masa ini.

Yang Amat Berhormat itu lebeh jauh menegaskan.

"Dalam menunaikan kewajipan, sa-tiap ra'ayat bukan hanya bijak menyebut, tetapi harus-lah di-bukti dan di-amalkan dan berlumba2-lah untok mengejar kemajuan.

Menyebut mengenai nama sekolah Orang Kaya Besar Imas itu beliau mensifatkannya sa-bagai satu nama yang mempunyai sejarah yang terpenting dalam arti-kata kemajuan negeri Brunei.

Turut berucap dalam majlis pembukaan rasmi Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok itu ia-lah Pengarah Pelajaran Negara, Dato Paduka MacInnes, Nazir Sekolah2 Melayu Brunei II dan Penghulu Kampong itu, Dato Harimau Alam Awang Besar bin Munap.



Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof sedang menandatangani buku lawatan Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas. Di-kiri ia-lah Dato Harimau Alam dan di-kanan Guru Besar sekolah tersebut.

PERSIDANGAN EJAJAN SAMA: BRUNEI TIDAK DI-JEMPUT

BANDAR BRUNEI — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Jamil telah mensifatkan persidangan Bahasa Kebangsaan yang baru saja di-tamatkan di-Kuala Lumpur itu sa-bagai sesuai dengan kehendak masa.

Persidangan yang di-hadhiri oleh perwakilan dari Malaysia dan Indonesia itu ia-lah untok memutuskan persetujuan bagi mengujudkan satu sistem ejajan bagi Bahasa Melayu.

Beliau bersetuju dan mensifatkan sa-bagai berfaedah bagi Brunei jika terlaksana satu sistem ejajan yang sama, kerana Bahasa Melayu merupakan Bahasa rasmi negeri Brunei.

Sa-buah akhbar tempatan dalam ranchana pengarang-nya telah menyatakan keinginan untok mengetahui sebab2 Brunei tidak hadir dalam persidangan itu.

Menjelaskan sebab2 Brunei tidak menghantar perwakilan atau pemerhati ka-persidangan itu, beliau berkata:

"Kerajaan Brunei tidak menerima sa-barang jemputan untok hadir dalam persidangan tersebut dan yang demikian kita tidak dapat menghantar sa-orang wakil atau pemerhati."

Dato Paduka Awang Haji Jamil enggan memberi ulasan sa-hingga keputusan persidangan itu telah di-kaji dengan sa-penoh-nya.

Walau bagaimana pun beliau menyatakan kegembiraan-nya jika terchapai satu sistem ejajan yang sama dan dengan itu masalah ejajan Bahasa Melayu akan menchapai ka-satu taraf yang boleh di-pertanggung-jawabkan.

KURSUS KAJIAN SA-MULA BAGI ANGGOTA² PULIS

BANDAR BRUNEI—Pihak Polis telah mengumomkan ranchangan² untok memulakan satu kursus kajian sa-mula bagi anggota² pulis di-negeri ini mengenai semua jurusan kerja² pulis.

Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid berkata, kerja² permulaan bagi ranchangan itu sedang di-jalankan dan akan dapat di-gerakkan dalam masa kira² dua atau tiga bulan lagi.

Kursus itu akan berjalan selama empat hingga lima minggu dan akan di-selenggarakan oleh Penguasa Polis, T. S. Swan, pegawai penjaga lathan bagi Pasokan Pulis Di-Raja Brunei.

Anggota² pulis yang di-pilih bagi kursus itu akan di-lathan dalam bidang undang², tugas² pulis, lathan pencegahan rusohan, lathan menggunakan senjata api serta peratoran² pulis.

Pgn. Dato Pahlawan Jaya berkata, balai Pasokan Pancharagam Pulis Di-Raja Brunei di-Berakas akan di-gunakan bagi kursus kajian sa-mula itu.

Menjelang ketibaan masa

Kakitangan Pos kembali dari lawatan ka-Kuala Lumpur

BANDAR BRUNEI — Satu rombongan tujuh orang kakitangan perkhidmatan pos yang di-kejuai oleh Ketua Pos Agong Tuan Haji Ali Khan telah kembali ka-Brunei baru² ini sa-telah mengadakan lawatan sambil belajar sa-lama sapuluh hari ka-Kuala Lumpur dan Singapura.

Lawatan itu di-atorkan oleh kerajaan, khusus untok memberikan rombongan perkhidmatan pos itu peluang untok belajar semua aspek² mengenai kerja² pos di-pejabat² besar pos di-Kuala Lumpur dan Singapura.

BERFAEDAH

Ketua Pos Agong mensifatkan lawatan tersebut sa-bagai berhasil dan berkata, kakitangan² beliau mendapati lawatan itu mendatangkan faedah.

Rombongan itu, kata Tuan Haji Ali Khan telah membuat satu kajian khas tentang kerja² merinyu² pos, pemandu² kenderaan pos, dan chara² yang di-ialankan untok mengurus bahagian perdagangan melalui pos, bank simpanan dan mel.

Kursus kajian sa-mula itu di-bentuk khas untok memelihara pasokan tersebut supaya sentiasa berada di-kemunchak kechakapan.

itu, anggota² pasokan pancharagam akan di-pindahkan ka-kawasan rangkaian pulis yang baru di-Gadong.

Pgn. Dato Pahlawan Jaya berkata, jika ranchangan tersebut terbukti kejayaan-nya, ranchangan² akan di-sediakan untok mengadakan sa-buah sekolah lathan pulis yang tetap di-negeri ini.

BERI AMARAN

Anggota² pulis yang memerlukan lathan² khas di-luar negeri akan terus di-hantar ka-luar negeri.

Mengenai lalu lintas, Pgn. Dato Pahlawan Jaya bin Pgn. Haji Rajid hari ini memberikan amaran kepada semua pemandu² kereta supaya jangan melebihi had laju dalam kawasan bandar.

Beliau berkata, pihak pulis tidak akan teragak² untok menda'awa mereka yang melakukan kesalahan sa-rupa itu di-mahkamah.

Pgn. Dato Pahlawan Jaya berkata, sejak beberapa bulan yang lalu, ramai juga bilangan pemandu² kereta di-dapati memandu kereta lebeh dari had



Pengiran Dato Pahlawan Jaya

laju telah di-bawa ka-mahkamah untok menghadapi penda'awaan.

Beliau menyatakan, had laju ia-lah 30 batu sa-jam dari bandar hingga ka-Brunei Sports Club dan batu empat Jalan Tutong.

DI-DA'AWA

Pemandu² kereta boleh memandu sa-laju 40 batu sa-jam dari Sports Club itu hingga ka-simpang Berakas dengan Jalan Muara.

Pihak Pulis telah juga menda'awa dua orang kerana tidak mematuhi isyarat² lampu automatik lalu lintas.

Pgn. Dato Pahlawan Jaya menambakkata, banyak lagi da'awaan mengenai kesalahan lalu lintas maseh belum di-bicharakan.

Penolong Pegawai Pertanian hadhiri kursus di-Belanda

BANDAR BRUNEI — Penolong Pegawai Pertanian, Awang Abdul Hamid bin Ja'afar telah berlepas ka-Belanda pada hari Juma'at lepas untok menghadiri Kursus Antara Bangsa yang ke-15 mengenai Pengluasan Kawasan Luar Bandar di-Wageningen.

Awg. Hamid ada-lah di-antara sa-ribu orang ahli² pertanian yang menghadiri kursus sa-lama empat minggu yang di-anjorkan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian.

Kursus itu bertujuan untok menunjukkan kepada peserta² faedah yang dapat di-harapkan dari perkhidmatan² pengluasan yang di-kelola dengan baik, dan hubungan mereka dengan perkhidmatan² kawasan luar bandar yang di-satukan.

Ranchangan bagi kursus yang ada sekarang mengandungi empat thema besar, ia-itu penyelidikan, pemasaran urusan dan perkembangan daerah.

Awg. Hamid kemudian-nya akan pergi ka-Borgora Mozano di-Itali kerana lathan selanjut.

Beliau di-jangka pulang ka-Brunei sa-lepas berada enam minggu di-Itali.

18 buah telaga minyak di-jangka dapat di-korek apabila pelantar yang baru bertugas

SERIA — Sharikat Minyak Shell Brunei mengumomkan bahawa ia-nya sedang dalam proses memindahkan alat² perkakas pengorek-nya dari pelantar di-laut ADP satu kepada pelantar ka-dua dalam kawasan yang sama.

Pelantar ADP satu berada di-barat daya Padang Minyak Ampa dan pelantar baru itu yang di-gelar sa-bagai pelantar ADP dua telah di-letakkan kira² satu suku batu ka-timor laut pelantar yang pertama.

Kedua² pelantar itu berada di-laut di-padang minyak yang sama, tujuh batu dari pantai Seria.

Sa-orang juruchapak Sharikat BSP berkata, kerja² mengorek dari pelantar ADP dua di-jadualkan bermula pada penghujung bulan September tahun ini. Sharikat menjangka akan dapat mengorek 18 buah telaga dari pelantar² baru itu.

Kerja² mengorek dari pelantar satu telah di-mulakan pada 28 Mei, 1965. 19 buah telaga telah di-korek dari pelantar ini dengan telaga terakhir siap dalam bulan Mei tahun ini.

Padang minyak Ampa di-sabelah barat daya telah di-jumpai dalam bulan Julai, 1963, dan kemajuan di-padang tersebut sejak dari itu telah membawa pengeluaran minyak Brunei yang merosot kepada 100 ribu barrel sa-hari pada masa ini.

Brunei menchapai pengeluaran minyak yang paling tinggi, ia-itu sa-banyak 117 ribu barrel sa-hari dalam tahun 1927, tetapi pengeluaran minyak telah jatuh kepada 69 ribu barrel sa-hari dalam tahun 1963.

Pengeluaran minyak sekurang ia-lah lebeh sedikit dari 100 ribu barrel sa-hari, termasuk 41 ribu barrel dari padang minyak Ampa di-sabelah barat daya.

ORANG² MELAYU AKAN BENA PASAR DI-MUARA

MUARA — 12 orang Melayu di-daerah Muara telah menyatukan usaha untok mendapatkan wang bagi pembenaan sa-buah pasar sementara di-bandar itu.

Ketua mereka Awg. Ali bin Ahmad, sa-orang wakil majlis meshuarat daerah Brunei/Muara berkata, kebenaran untok membena pasar itu telah di-luluskan oleh pejabat daerah.

Pasar itu akan mempunyai 12 buah gerai, enam buah untok menjual ikan dan enam lagi untok menjual sayur²an. Gerai² menjual ikan itu akan dimilekki oleh nelayan² yang benar² menangkap ikan.

Awg. Ali menambakkata, nelayan² tersebut telah menyatakan persetujuan untok membawa terus hasil tangkapan ikan ka-gerai² untok di-jual sa-chara ronchit dan bukan pula sa-chara borong kepada orang² tengah.

MAKTAB PERGURUAN UGAMA BRUNEI SEDANG DALAM PEMBENAAN

BANDAR BRUNEI — Brunei tidak lama lagi akan mempunyai maktab-nya sendiri untuk melatoh guru2 bagi sekolah2 agama di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Hal Ehwal U gama berkata, kerja2 telah di-mulakan untuk menyediakan tapak bagi sa-buah maktab perguruan agama di-Bandar Brunei.

Maktab yang di-chadangkan itu terletak di-Jalan Tutong di satu kawasan sa-luas 21 ekar dan di-taksirkan menelan perbelanjaan sa-banyak kira2 lima sa-tengah juta ringgit.

**ASRAMA
BERASINGAN**

Juruchakap itu berkata, maktab itu akan dapat menampung 300 orang guru pelatoh termasuk 100 orang guru perempuan.

Pelajar2 akan tinggal di-dalam kawasan maktab. Asrama2 yang berasing telah di-ranchangkan bagi pelajar2 lelaki dan perempuan.

Sementara itu, Jabatan Hal

Ehwal U gama Brunei maseh meneruskan usaha melantek guru2 agama dari luar negeri.

**LANTEKAN TERUS
GURU2 DARI LUAR**

Guru2 itu ada-lah di-kehen-dakkj untuk mengajar di-dua buah sekolah menengah u gama yang baru di-Bandar Brunei.

Sekolah2 itu di-kenali sabagai Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah bagi murid2 lelaki dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit bagi murid2 perempuan.

Pada masa ini, sekolah2 itu, masing2 mempunyai 59 orang murid.

**4 orang belia
akan berkursus
latehan
pemimpin
di-Selangor**

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Kebajikan Masyarakat mengumomkan bahawa empat orang pemimpin belia akan di-hantar ka-Malaysia Barat pada bulan ini kerana menjalani satu kursus latehan dalam kerja2 mengatorkan ranchangan2 belia.

Kumpulan itu termasuk dua orang wanita akan di-hantar ka-Pusat Latehan Belia Kebangsaan dekat Kuala Kubu Bahru di-negeri Selangor.

Mereka akan berada di-pusat itu sa-lama tiga minggu.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Kebajikan berkata, persatuan2 belia di-seluruh pelusok negeri ini maseh di-bolehkan hingga 10 Julai untuk mengemukakan nama2 calon yang ingin menjalani kursus tersebut.

Pada tahun lalu, Brunei menghantar 24 orang pemimpin belia kerana mendapatkan latehan di-Malaysia Barat.

Juruchakap itu berkata, satu laporan dari Kementerian Belia dan Sokan Malaysia memuji2 peserta2 lampau dari Brunei yang di-katakan-nya telah membuat shor2 yang membena dan berfaedah bagi kebaikan pergerakan belia.

Juruchakap itu menyatakan, laporan itu sedang di-kaji oleh Pesuruhjaya Kebajikan dengan tujuan hendak melaksanakan mana2 shor yang bertujuan untuk memperbaiki pergerakan belia di-negeri ini.

TIDAK ADA PENGANGGORAN DI-BRUNEI

BANDAR BRUNEI — Pesuruhjaya Buroh, Pgn. Bahar bin Pgn. Shahbandar Anak Hashin merayu kapada raayat Brunei supaya mendapatkan kemahiran pekerjaan untuk menggantikan pekerja2 dari luar negeri yang bekerja dengan kerajaan dan sharikat2 perniagaan di-negeri ini.

Pesuruhjaya itu menyatakan bahawa negeri Brunei memerlukan pekerja2 yang mahir dan tidak mahir dengan banyaknya bagi ranchangan2 dan projek2 untuk memajukan negeri ini.

PEKERJA2 LUAR

Kata-nya, untuk memenohi kekurangan pekerja2 yang mahir dan tidak mahir, kerajaan dan sharikat2 perniagaan telah memohon jabatan-nya untuk membenarkan kemasokan pekerja2 dari negara2 tetangga. Pengiran Bahar mengalu2-kan chadangan Kerajaan hendak membena sekolah2 pertukangan dan aneka jurusan dekat Bandar Brunei, Kuala Belait dan Tutong.

Beliau menggesa belia2 negeri ini supaya memasoki sekolah2 tersebut apabila di-buka kelak untuk mereka memperoleh kemahiran pekerjaan dan mempelajari kerja2 pertukangan yang berfaedah.

Pengiran Bahar menyatakan, penganggoran dalam arti kata yang sa-benar-nya tidak terdapat di-Brunei, meskipun ramai orang mendaftarkan diri di-pejabat pengambilan buroh untuk mendapatkan kerja. Kata-nya, masaalah yang sa-benar-nya ia-lah di-sebabkan oleh memilih kerja.

Pesuruhjaya itu menyatakan, pekerja2 yang di-katakan menganggor itu sa-benar-nya menolak tawaran2 pekerjaan jika mereka berpendapat bahawa jenis kerja tidak sesuai bagi mereka.

Pengkalan pendaratan kechil di-tempatkan di-Subok

BANDAR BRUNEI — Jabatan Laut telah mengalehkan kapal2 penumpang yang kechil dan motobot2 ka-pengkalan pendaratan baru di-Subok dalam satu langkah untuk mengurangkan keadaan penoh sesak di-tambatan Bandar Brunei.


Pengkalan pendaratan itu terletak di-sabelah utara tebing Sungai Brunei, 400 kaki ka-ulu sungai dari pengkalan BSP di-Subok.

Mulai dari 28 Jun lepas Pengkalan pendaratan itu akan merupakan tempat perhentian bagi ferri2 penumpang Brunei/Labuan, semua kapal2 yang membawa penumpang yang berulang alek dari Labuan, Limbang, Lawas, Temburong, Labu Estate, dan semua peng-

kalan sungai di-kawasan pendalaman serta semua motobot dan perahu motor sangkut kepunyaan Jabatan Laut.

Pengarah Jabatan Laut, Awg. Jack Turner berkata, tempat perhentian itu ia-lah bagi penumpang2 dalam transit dan barang2 persendirian mereka sahaja.

Barang2 muatan tidak akan di-benarkan untuk menggunakan pengkalan pendaratan itu.



Gambar atas ia-lah pengkalan pendaratan yang baru di-Subok.

PERKEMBANGAN DAERAH TEMBURONG SA-MAKIN DI-PESATKAN

TEMBURONG yang merupakan sa-buah daerah yang tertinggal sa-kali dari segi pembangunan dan juga yang sedikit sa-kali jumlah penduduk-nya dari empat buah daerah Brunei, sekarang sedang memandang ka-suatu zaman gemilang yang tidak kurang cahaya-nya dari kawasan2 yang lebih maju di-negeri ini.

Sa-ramai 4,500 orang Iban, Malayu, Murut China dan lain2 bumiputera yang tinggal di-Temburong telah pun di-berikan alat2 kemudahan yang tidak berapa lama dahulu, mereka terpaksa pergi ka-ibu kota, Bandar Brunei, uuntuk menikamati-nya.

Kerajaan telah pun membena satu rangkaian jalan2 kechil, memberse dan mendalamkan sungai2 dan membena pengkalan2 perahu. Ia-nya telah memindahkan ka-tanah2 tinggi kampong2 yang dahulu-nya di-tenggelami oleh banjir dalam masa musim hujan.

Di-Bangar, ibu kota daerah Temburong, sa-buah tambatan batu sedang di-bena untuk menggantikan tambatan kayu dan kerja membena sa-buah jambatan menyeberangi Sungai Temburong sa-bagai sa-bahagian dari rangkaian jalan2 raya untuk musim kemarau dan hujan telah juga di-mulakan.

Kira2 40 batu jalan raya tar telah di-ranchangkan di-bawah projek jalan raya tersebut, ia-itu perengkat pertama dalam projek pembenaan jalan raya negeri yang akan memerlukan pembenaan jalan2 raya baru sa-panjang 140 batu di-seluruh negeri telah pun di-panggil tawaran tender.

JALAN RAYA

Daripada jumlah sa-banyak \$46 juta yang di-untukkan bagi projek pembenaan jalan raya itu, Temburong telah di-berikan \$20 juta dan ini akan dapat menentukan bahawa apabila sahaja pekerjaan di-jalankan, maka ia akan di-laksanakan sa-chara lchin dan tamat mengikut jadual.

Pekerjaan membena jalan2 raya di-Temburong akan dapat di-permudahkan lagi dengan terdapat-nya banyak bahan2 pembenaan jalan2 raya di-daerah itu.

Bekas ahli kaji-bumi kerajaan, Doktor G. W. Wilford telah menjalankan satu penyiasatan lengkap mengenai sumbar2 logam di-negeri ini kira2 sa-lama tiga tahun dari tahun

1957 dan mengenai bahan2 pembenaan jalan2 raya, beliau telah membuat kesimpulan bahawa terdapat dengan banyak-nya batu2 kelikir dan bulat yang di-taksirkan dalam simpanan sa-banyak 8,700,000



Awg. Johari bin Abd. Razak

padu ela. Kebanyakan dari simpanan batu ini terdapat di-daerah Temburong.

Pegawai Daerah Temburong, Awg. Johari bin Abdul Razak berkata bahawa jalan2 raya untuk semua chuacha adalah perlu segera di-adakan, bukan sahaja supaya kerja2 pertadbiran dapat di-laksanakan sa-chara berkcsan di-kampong2 yang bertaboran di-daerah itu, tetapi juga untuk memperbaiki lagi taraf hidup ra'ayat yang tinggal dalam lebih kurang 50 buah kampong2 kechil dan rumah2 panjang di-tebing sungai.

OLEH HAMDAN BIN IDRIS

Sa-lepas Bangar, sungai itu sa-makin chepat menjadi tohor dan pelayaran walau pun dalam perahu "Tamuai", adalah merbahaya dengan ada-nya jeram2 dan ayer2 terjun.

Bahaya ini biasa-nya tidak begitu jelas tetapi ada-lah menakutkan khusus-nya di-musim kemarau apabila perengkat ayer menurun dan sungai2 yang boleh di-gunakan berarus deras serta berpusu2 pula hingga orang2 yang handal dan berpeinggalaman penoh selalu-nya enggan menggunakan-nya.

PERHUBONGAN

Sunggoh pun rangkaian jalan2 kechil itu merupakan satu chara lain bagi mengadakan perhubungan sa-masa sungai2 merbahaya untuk pelayaran, tetapi jalan2 kechil itu tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan ra'ayat yang ingin membawa keluar hasil perusahaan mereka ka-Bangar atau Bandar Brunei untuk dijual dan membawa balek makanan dan barang2 yang mereka perlukan hingga mereka pergi sa-kali lagi ka-bandar.

Jalan2 kechil ini mengikut pembenaan-nya ada-lah sempit dan tidak di-taroh batu dan sa-masa dalam keadaan baik, ia-nya sesuai untuk kenderaan pengangkutan ringan seperti basikal dan basikal roda tiga.

LIHAT MUKA 5



pekan Bangar dalam beberapa tahun yang lalu. Di-sabera sungai ia-lah tempat yang akan di-buka menjadi pekan baru.



5 Julai, 1967

EJAAN SAMA

SA-SUATU yang mendatangkan faedah tidak-lah begitu mudah di-tinggalkan begitu saja tanpa sa-suatu sebab yang amat meyakinkan untuk meninggalkan-nya. Amat tidak bersesuaian juga jika kita bersifat menjol2kan diri sedang majlis kahwin di-langsungkan di-salah sa-buah rumah jiran tetangga. Tetapi jika kita di-jemput mustahil bagi kita untuk membuang peluang ke-emasan itu, sa-kurang2nya boleh juga kita mendapat sa-biji bunga telor sa-bagai pengisi tangan untuk anak2 yang sedang menunggu di-rumah. Bagitu-lah yang teradat dalam tradisi orang2 Melayu.

Persidangan mengenai masalah untuk mencapai satu persetujuan bagi menggunakan satu sistem ejaan yang sama antara Indonesia dan Malaysia sudah pun tamat di-langsungkan di-Kuala Lumpur. Walau pun persidangan itu hanya berjalan antara kedua2 buah negara jiran yang besar, namun boleh-lah dianggap jika tercapai persetujuan menggunakan sistem ejaan yang sama, maka faedah-nya amat baik sekali untuk Brunei, kerana Brunei juga sa-buah negara yang merasmikan Bahasa Melayu.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka telah menyuarkan ke-gembiraan beliau jika di-ujudkan sa-chara rasmi satu sistem ejaan bagi tulisan2 Bahasa Melayu, kerana menurut beliau dengan jalan itu juga perkembangan Bahasa Melayu akan mencapai ka-satu peringkat yang lebih maju lagi.

Beliau mensifatkan persidangan di-Kuala Lumpur itu sebagai berfaedah dan amat berguna bagi Brunei. Hal ini sudah cukup menunjukkan bahawa Brunei juga menumpukan perhatian ka-arah terlaksana-nya satu penggunaan ejaan yang sama. Hal ini juga amat jelas yang kita tidak begitu mudah mau mengasingkan diri terhadap sa-suatu yang berkait rapat dengan apa yang sama2 kita chita2kan.

Di-samping itu, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka juga dengan pendek tetapi padat telah dapat menyelesaikan satu keraguan tentang ketidak hadiran Brunei dalam persidangan itu bahawa Brunei tidak hadir kerana tidak di-jemput walau pun sa-bagai pemerhati saja. Soal hadir dan tidak bukan-lah menjadi satu kerugian kerana Singapura yang pernah mengadakan Kongres Bahasa juga tidak hadir dalam persidangan itu.

Walaupun demikian, Dewan Bahasa dan Pustaka yang samemang-nya menumpukan perhatian dalam perkembangan Bahasa Melayu telah pernah menyuarkan dalam majallah Bahana-nya keluaran 4 tentang masalah ejaan yang sama itu. Rencana Pengarah itu kepingin betul untuk melihat dan menikmati satu sistem ejaan yang sama.

RAMAI IBU BAPA KUNJONGI SEKOLAH2 SELUROH NEGERI SA-MASA MINGGU PELAJARAN DI-ADAKAN

BANDAR BRUNEI—Ibu bapa dan penjaga murid2 memyambut baik jemputan terbuka untuk melawat ka-sekolah2 anak2 mereka di-sapanjang Minggu Pelajaran sekolah2 Melayu yang baru saja selesai minggu lalu.

Minggu Pelajaran ada-lah bertujuan antara lain untuk menunjukkan kepada ibu bapa kemajuan kerja anak2 mereka di-bangku sekolah dan juga untuk memupok hubungan yang lebih erat di-antara ibu bapa dengan para guru.

Pesurohaya Kebajikan Masyarakat Awang Salleh bin Hj. Masri menggesa murid2 supaya belajar dengan lebih rajin dan tekun agar mereka akan menjadi warga negara yang berguna apabila meninggalkan

bangku sekolah kelak.

Beliau berkata demikian ketika berucap kepada murid2 sekolah Melayu Puser Ulak di-majlis penutup minggu pelajaran bagi sekolah2 Melayu di-seluruh negeri.

Awang Salleh yang telah menekankan peri mustahak-nya pelajaran memberitahu murid2 bahawa hanya melalui kerja keras sahaja akan berjaya dalam peperiksaan untuk melayakkan diri mereka memasuki maktab2 untuk mendapatkan

kelayakan2 yang professional.

Pesurohaya itu menyatakan, Brunei memerlukan kakitangan yang mahir dan berkelulusan baik lelaki atau perempuan dengan banyak-nya untuk mengerjakan perkhidmatan awam dan menggantikan pegawai2 dagang yang telah di-lantek kerana kekurangan anak2 Brunei yang berkelayakan.

Awang Salleh berkata, kera-

jaan menawarkan peluang2 yang sa-penoh2-nya kepada anak2 Brunei untuk mendapatkan kemahiran2 dan kelayakan2 professional bagi melayakkan mereka menjalankan kerja2 yang pada masa ini disandang oleh pegawai2 dagang.

Beliau menyatakan, kerajaan akan terus menghantar pelajar2 yang berbakat dan berkelayakan ka-maktab2 dan universiti2 seberang laut untuk mendapatkan kemahiran dan kelayakan2 professional.

PERKEMBANGAN DAERAH TEMBURONG SA-MAKIN DI-PESATKAN

DARI MUKA 4

Awg. Johari berkata bahawa rangkaian jalan tar untuk semua chuacha akan dipercepat dan meluaskan lagi bidang pembangunan di-Temburong. Dengan Bangar sa-bagai pusat, rangkaian jalan2 raya itu akan berpechah menuju ka-semua kawasan di-kiri kanan Sungai Temburong.

Untuk melaksanakan rancangan ini, kawasan Bandar Bangar akan di-perluaskan lagi dan sa-buah pekan baru akan di-bena di-tebing kiri Sungai Temburong.

Sa-buah kawasan sa-luas 60 ekar telah di-untukkan untuk kedai2 digagasan bandar baru itu dan jambatan yang sedang di-bena itu akan menghubungkan Bangar dengan Bangar Baru.

Keperluan bagi di-adakan jalan2 raya yang boleh di-lalui oleh kenderaan2 bermotor ada-lah sangat di-hargai oleh pasokan2 keselamatan yang bertanggung-jawab terus mengenai keselamatan dan keamanan daerah itu.

Satu pasokan jurutera tentera Gurkha sekarang sedang membena sa-batang jalan raya dari Ujong Jalan, penghujung sistem Jalan Bangar ka-Limbang, Sarawak menuju ka-Belais, Rataie, Bokok, Bekarut dan Temada, sa-buah kampung pendalaman 12 batu dari Ujong Jalan.

Penduduk2 dari kampung2 tersebut sangat2 bergantung kepada Sungai Pendaruan untuk berulang akek semasa chuacha baik dan jalan kechil semasa sungai menjadi merbahaya untuk di-gunakan dalam musim kemarau.

Sungguh pun pembangunan masa hadapan daerah itu banyak bergantung kepada pembenaan jalan2 raya untuk semua chuacha, tetapi kerajaan tidak menunggu jalan2 raya itu siap untuk memberikan alat2 kemudahan kepada raayat. Kerajaan telah pun membena sa-buah balai raya di-tiap2 kampung di-mana penduduk2-nya boleh berkumpul dan bermesuarat untuk mengemukakan pendarat masing2 dengan bebas dan membincangkan hal ehwal kampung mereka.

Jabatan Elektrik sekarang sedang membena sa-buah pusat tenaga elektrik yang lebih besar lagi di-Bangar dan apabila generator dan alat2 jentera yang sedang di-

pasang mulai berjalan sa-belum hujung tahun ini, kuasa elektrik yang mencukupi akan di-dapati untuk menerangi tiap2 rumah dan kampung di-Temburong.

Rumah Sakit daerah itu telah di-sediakan dengan sa-orang doktor yang menetap di-sana dan doktor terbang juga ada memberikan perkhidmatan-nya dari pengkalan-nya di-Bandar Brunei dan membuat lawatan2 tetap mengikut jadual ka-kampung2 di-pendalaman untuk merawat ibu2 yang mengandung, kanak2 dan orang2 sakit yang memerlukan rawatan segera. Pada lain masa pula, pelawat2 kesihatan membuat lawatan2 tetap ka-kampung2 dan sekolah2 untuk membahagikan ubat dan nasihat2 mengenai kesihatan.

Kerajaan juga telah mengadakan peluang2 bagi pekerjaan untuk penduduk2 daerah itu.

Awang Johari berkata bahawa sumbar2 kayu daerah itu sedang di-kerjakan sa-chara bersistem dan beberapa buah kilang papan telah di-dirikan di-Bangar. Orang2 yang memikirkan menureh getah tidak begitu menguntungkan di-sebabkan kejatuhan harga getah, sekarang telah mulai bekerja memotong kayu di-hutan2 yang mendapat lesen atau pun bekerja di-kilang2 papan.

Projek2 bangunan di-Bangar telah juga memberikan peluang bekerja kepada orang2 lelaki dan perempuan di-Temburong dan selain dari pusat tenaga elektrik, jambatan dan tambatan batu itu, ramai lagi sedang bekerja di-sekolah dan asrama yang sedang di-perbunkan lagi. Ada juga yang sedang bekerja di-mesjid yang di-jadualkan siap kira2 dua bulan lagi.

Projek2 ini memberikan pekerjaan sementara kepada pekerja2 yang kurang mahir tetapi pekerjaan yang lebih tetap di-chadangkan di-bawah projek kerajaan untuk menjadikan Temburong sa-bagai sa-buah pusat pengeluaran kelapa sawit.

Sa-buah kawasan yang luas telah di-chadangkan untuk sa-buah ladang kelapa sawit di-Labu. Apabila siap nanti, ia akan memberikan pekerjaan dan pendapatan tetap kepada beberapa keluarga. Di-Biang, sa-buah ladang getah kerajaan sa-luas 3.000 ekar boleh memberikan pekerjaan tetap kepada sakurane2-nya 70 keluarga.

Pelajaran juga tidak ketinggalan di-daerah ini. Kerajaan telah membena sekolah2 di-tempat2 yang di-dapati kanak2 memerlukan pelajaran.



Para ibu bapa dan jemputan2 khas sa-masa menghadiri majlis penutup Minggu Pelajaran di-Sekolah Melayu Puser Ulak.



Kaum ibu ashek meneliti kerja tangan yang di-buat oleh murid2 sekolah.



Yang Berhormat, Awang Osman Sungguh ketika melawat ka-Sekolah Melayu Dato Gandhi sa-wakil sekolah itu mengadakan Minggu Pelajaran.

Jawatan - Jawatan Kosong

DI-PEJABAT DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, seperti yang berikut di-bawah ini:—

(a) PEGAWAI BAHASA

KELAYAKAN2 DAN

PENGALAMAN:

- Mempunyai kelulusan degree university yang di-akui oleh Kerajaan dalam pengajian Melayu, atau mempunyai Diploma yang di-akui oleh Kerajaan dalam bahasa Melayu atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya, atau
- Mempunyai sa-barang degree yang di-akui oleh Kerajaan yang sesuai dengan kehendak2 jawatan ini, atau
- Mempunyai Diploma yang di-akui oleh Kerajaan dalam hal karang-mengarang atau mempunyai pengalaman yang sama dengan nilai Diploma yang di-sebutkan.

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$1020x40 - 1620/EB/1670x50 - 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SA-BAGAI PEMBANTU PERPUSTAKAAN DAN PENJILID BUKU

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, seperti yang berikut di-bawah ini:

(a) PEMBANTU PERPUSTAKAAN

KELAYAKAN2 DAN

PENGALAMAN:

- Pemohon2 mesti-lah orang Melayu dan ra'ayat D.Y.-M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Sultan.
- Mempunyai kelulusan Darjah VII Sekolah Melayu atau yang sa-banding dengan-nya.
- Mempunyai bakat untuk pekerjaan ini.

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$210x10 - 260/EB/270x15 - 360. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) PENJILID BUKU

KELAYAKAN2 DAN

PENGALAMAN:

- Pemohon2 mesti-lah orang Melayu dan ra'ayat D.Y.-M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat Sultan.

(b) PENYEMAK

KELAYAKAN2 DAN

PENGALAMAN:

- Pemohon2 mesti-lah orang Melayu berkelulusan Sijil Persekolahan Menengah Atas yang mendapat kepujian di-dalam Bahasa Melayu.
- mempunyai pengalaman dalam hal ehwal pekerjaan menyemak buku sa-kurang2-nya satu tahun, atau
- mempunyai kelulusan2 yang sa-banding dengan-nya dan berpengalaman dalam hal ehwal perchetakan atau penerbitan.

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$380x20 - 480/EB/500x20-620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(a) JURUTAIP

KELAYAKAN2 DAN

PENGALAMAN:

- Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang berkelulusan sa-kurang2-nya dalam Tingkatan III di-Sekolah Menengah Kerajaan atau Sekolah menengah yang di-akui oleh Kerajaan.
- Mempunyai kecheputan menaip sa-kurang2-nya 40

perkataan dalam sa-minit. GAJI:

Dalam sukatan gaji \$210x10 - 270x15 - 360x20-480/EB/500x20 - 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon2 yang berjaya yang bukan dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sa-chara berkotrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubuan sa-lama 6 bulan.

Bagi sa-orang chalon yang di-lantek sa-chara berkotrek baksis sa-banyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti kerja atau di-buang kerja.

CHUKAI PENDAPATAN:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Julai, 1967.

SA-BAGAI PEMBANTU TEKNIK TINGKATAN II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan kosong yang berikut di-bawah ini di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

PEMBANTU TEKNIK TINGKATAN II

(3 kekosongan)

KELAYAKAN2:

Mempunyai Sijil Juru Teknik City and Guilds of London Institutes Intermediate Telecommunications serta mempunyai pengalaman dalam bidang penyiaran sa-lama sa-kurang2-nya 3 tahun, atau kelayakan2 yang bersama, atau bagi ahli2 teknik yang sedang berkhidmat di-Jabatan tersebut kelulusan bahagian II dalam pepereksaan Teknik Jabatan boleh juga di-pertimbangkan sa-bagai kelulusan yang bersamaan.

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$660x30 - 900. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 PERKHIDMATAN:

Sa-chara berkotrek selama 3 tahun termasuk masa perchubuan sa-lama 6 bulan.

Sa-bagai jururawat kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalon2 perempuan yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan bagi memenohi jawatan sa-bagai Jururawat Kesihatan Rendah Perchubuan bagi Perkhidmatan Rancangan Kesihatan, Brunei.

KELAYAKAN2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah VII Sekolah Melayu atau Form I Inggeris.
- Mesti-lah sa-orang bujang.

UMOR:

Berumur di-antara 18 dan 25 tahun.

GAJI:

Dalam sukatan gaji E. 1 - 2 - EB - 3 - \$200x10 - 270/EB/280x10 - 330.

Pemohon2 yang berjaya adalah di-kehendaki berkhidmat dalam perchubuan sa-lama dua tahun dan di-kehendaki menjalani latehan praktik di-Pusat2 Kesihatan dalam Negeri Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Julai, 1967.

Kotrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap.

BAKSIS:

Bagi mereka yang di-lantek sa-chara berkotrek baksis sa-banyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat, pembayaran akan di-langsungkan sa-telah bersara. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti kerja atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Julai, 1967.

Perlawanan akhir tinju bagi murid2 sekolah 800 orang saksikan

BANDAR BRUNEI — Lebih dari 800 orang penuntut, termasuk Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Sufri Bolkiah telah menyaksikan perlawanan akhir kejohanan tinju bagi murid2 sekolah pada malam Ahad lepas.

Perlawanan yang julong2 kali di-adakan itu ada-lah anjoran Persatuan Tinju Negeri Brunei dan telah di-langsungkan di-tempat penarohan kereta Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei.

Hadiah2 telah di-sampaikan kepada pemenang2 oleh Pengarah Pelajaran, Brunei Dato Paduka M. MacInnes.

Keputusan2 perlawanan akhir ada-lah seperti berikut:

ATOM WEIGHT: Dalam perlawanan perengkat akhir Atom Weight, Mohammed Ya'kub mengalahkan Jalil Ahmad.

LIGHT FLY WEIGHT: Perengkat akhir, Johari Adnan mengalahkan Sani Amin.

FLY WEIGHT: Perengkat Separoh Akhir, Mohd. Bakri mengalahkan Noel Gubarra dan Billy Cheong mengalahkan Marty C. Loh.

FLY WEIGHT: Perengkat umur lebeh, Ak. Mohd. Pgn. Ludin mengalahkan Arbi Haji Mohammed Yusof.

LIGHT FLY WEIGHT: Pereng-

kat umur lebeh, Mohd. Sufri mengalahkan Dominic Thong.

BANTAM WEIGHT: Perengkat akhir, Salleh Ghani mengalahkan Ya'kub Tengah.

BANTAM WEIGHT: Perengkat umur lebeh, separoh akhir, Kim Kang mengalahkan Awg. Ali Hassan dan Ak. Sharifuddin mengalahkan Ak. Mohd. Salleh Pgn. Mat-tahir dengan pukolan knock-out.

BANTAM WEIGHT: Perengkat umur lebeh, Kim Kang mengalahkan Ak. Sharifuddin Pgn. Haji Yusof.

FEATHER WEIGHT: Separoh akhir, Biak Kapi mengalahkan Metali Daud. dan Rajimie Anis mengalahkan Biak Kapi.

FEATHER WEIGHT: Perlawanan akhir perengkat umur lebeh, Awg. Karim Ahmad mengalahkan Mohd. Yassin Adam, dan dalam perlawanan akhir perengkat umur lebeh, Rickieno Aw mengalahkan A. Bakar Talip.

BANGUNAN PUSAT BELIA SIAP AWAL TAHUN 1969

BANDAR BRUNEI — Kerja2 untuk menyediakan kawasan tapak bagi pembinaan sa-buah pusat belia di-sabelah Lapau baru di-Bandar Brunei telah di-sifatkan sa-bagai berjalan dengan lancar menurut rancangan.

Jabatan Kebajikan Masharakat yang akan menyeliaikan sapenoh-nya pusat itu telah menguruskan upacara meletakkan batu asas yang akan berlangsung kira2 dalam bulan ini.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan itu berkata, pusat tersebut di-anggarkan menelan belanja sa-banyak lebeh dari dua juta ringgit.

Apabila siap nanti ia-nya akan mempunyai sa-buah dewan perhimpunan untuk 1,000 orang.

Pusat itu akan di-gunakan bagi semua jenis pertemuan yang berkaitan dengan pergerakan belia.

Juruchakap itu berkata, kerja mengenai pusat itu sedang berjalan dengan memuaskan.

kan. Pembinaan-nya di-jangka siap pada awal tahun 1969.

Pusat itu akan mempunyai sa-buah kolam mandi, sa-buah dewan jamuan dan kemudahan2 bagi permainan2 yang di-adakan dalam dewan.

Perwakilan2 belia yang menghadiri seminar2 di-pusat itu akan di-tempatkan di-kawasan itu. Ada terdapat tempat2 tinggal yang berasingan bagi lelaki dan perempuan.

2 orang kakitangan Projek Penghapus Malaria berkursus di-Manila

BANDAR BRUNEI — Dua orang kakitangan Projek Penghapus Malaria berlepas ka-Manila pada hari Jumaat lepas kerana menjalan satu kursus sa-lama tiga bulan mengenai kerja2 umum penghapusan Malaria di-Pusat Latehan Penghapus Malaria di-Manila.

Kursus itu bermula pada 4 Julai ini.

Mereka ia-lah Awang Adi bin Ibrahim dan Awang Abdul Karim bin Ahmad.

Kedua2 yang bertugas sebagai ketua rombongan pengesanan penyakit Malaria di-Projek Penghapus Malaria Negeri Brunei akan menghadiri kursus tersebut di-bawah kelolaan Pertubuhan Kesihatan Sa-Dunia.

Ketua Projek Penghapus Malaria di-Brunei, Dr. Yao Tsing Wu berkata, kedua kakitangan itu akan kembali ka-Brunei dalam bulan September dan akan melateh kakitangan2 tempatan dalam kerja2 penghapus Malaria.

Sementara itu 14 buah kampung dalam daerah Brunei/Muara akan di-lawati oleh kakitangan2 kerja luar penghapus Malaria pada bulan hadapan kerana menyembor ubat DDT ka-atas benaan2 yang masih belum di-sembor dengan ubat DDT itu.

Kampung2 tersebut mempunyai sa-jumlah 3,679 orang penduduk dan 629 buah rumah.

Menurut rancangan menyembor saki baki benaan2 dengan ubat DDT, semua pondok2 dan bangunan2 baru akan di-sembor.

Pihak berkuasa penghapus Malaria menaksirkan bahawa 1,482 liter ubat DDT akan di-gunakan untuk menyembor rumah2 dan bangunan2 di-dalam 14 buah kampung itu.

Penetapan tarikh menanam padi untuk tahun ini

BANDAR BRUNEI — Pehak berkuasa daerah Brunei telah menetapkan tarikh bagi menyedikan tanah dan menanam padi untuk tahun ini.

Satu meshuarat di-antara pegawai2 pertanian dan pegawai2 pejabat daerah yang di-adakan pada minggu lalu telah memutuskan bahawa petani2 mestilah memulakan kerja2 menyedikan tanah mereka pada bulan ini sa-bagai persiapan bagi kerja2 menyemai dalam bulan Ogos.

Kerja2 memindahkan anak2 padi dari tempat2 semaiam, hendak-lah di-lakukan pada 29 dan 30 Ogos.

Untuk padi bukit, tanah-nya mestilah di-bersekan dari belukar, di-bakar dan di-sediakan untuk penanaman dalam minggu pertama bulan September. Kerja2 menyemai akan juga di-mulakan dalam bulan September.

Meshuarat yang telah di-engerusikan oleh pegawai daerah Brunei/Muara, Awang Ali bin Awang Besar telah menarik perhatian petani2 tentang peri mustahak-nya mengurong kerbau2 mereka sa-panjang musim penanaman itu.

Petani2 boleh di-kenakan hukuman denda sa-banyak \$25 kerana menchaboli sebarang peratoran yang mengawal penanaman padi.

Peladang Kampong Merangking lawat Kilanas

KILANAS. Sa-ramai 27 orang termasuk 6 orang perempuan dari ahli2 Persatuan Peladang Kampong Merangking, Ulu Belait telah mengadakan lawatan ka-Pusat Pertanian Kilanas hari Isnin lepas.

Lawatan itu ia-lah sa-bagai penamat kursus pertanian yang telah mereka jalani sa-lama sa-minggu di-kampung mereka.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 5 Julai, 1967 hingga ka-hari Selasa 11 Julai, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
5 Julai	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11	
6 Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12	
7 Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12	
8 Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12	
9 Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12	
10 Julai	12-30	3-51	6-41	7-52	4-39	4-54	6-12	
11 Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55	6-13	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Gunakan-lah Bahasa
Melayu

Kekuatan Pulis Di-Raja bertambah 150 anggota yang baru

BANDAR BRUNEI — Pasokan Pulis Di-Raja Brunei telah hampir2 mencapai kekuatan sa-penoh-nya dengan perlantikan 150 orang anggota pulis baru2 ini. 50 dari orang2 baru itu akan di-tempatkan kapada pasokan khas kerana tugas2 pengawalan.

Timbalan Pesuruhjaya Pulis Pgn. Dato Pahlawan Jaya bin Pgn. Haji Rajid berkata 100 dari anggota2 baru akan di-hantar ka-Malaysia Barat untuk menjalani latihan pada satu masa lewat bulan ini.

Sa-hingga masa itu, mereka akan menjalani latihan2 permulaan di-ibu pejabat pulis di-Bandar Brunei sa-lama kira2 4 minggu.

Anggota2 baru itu akan di-hantar ka-sekolah latihan pulis di-raja Malaysia di-Kuala Lumpur sa-lama sembilan bulan.


Dalam tempoh itu, mereka akan di-ajar undang2 dan peratoran pulis serta tugas2 umom anggota2 pulis.

Pengiran Dato Pahlawan Jaya berkata, sa-kembali-nya mereka kelak, anggota2 baru itu akan di-tempatkan ka-beberapa buah balai pulis di-negeri ini.

50 orang anggota yang di-lantek khas bagi pasokan khas itu, akan menjalani latihan di-negeri ini sa-belum di-tempatkan di-unit2 yang menjalankan tugas2 pengawalan.

Pengiran Dato Pahlawan Jaya berkata, pasokan pulis baru2 ini telah menghantar kumpulan pertama seramai 15 orang kerana menjalani latihan pulis laut di-pengkalan Pulis Laut Tampoi di-Johore.

Anggota2 pulis itu akan berada sa-lama empat bulan di-pengkalan tersebut untuk mempelajari semua aspek2 mengenai kerja2 pulis laut.



Gambar atas ia-lah Bangunan baru Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas yang di-rasmikan pembukaannya oleh Pemangku Menteri Besar. Berita-nya di-muka 1.

MAHLIGAI BERBENTOK BAHTERA DI-BENA DI-LA GOON MASJID

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama, telah memulakan kerja2 pembenaan sa-buah mahligai di-kawasan lagoon masjid Omar Ali Saifuddin, di-Bandar Brunei.

Sa-orang juruchakap jabatan itu menyatakan, mahligai yang menelan belanja kira2 setengah juta ringgit itu di-bentok, merupakan sa-buah bahtera di-raja yang silam, dan ia-

nya akan di-gunakan untuk perhimpunan2 ugama dan tempat mengadakan pertandingan membacha Al-Quran dan sharahan ugama.

Juruchakap itu berkata, pembenaan mahligai itu di-jadualkan siap menjelang akhir bulan Oktober tahun ini.

Ia-nya juga di-lengkapkan dengan panchutan ayer dan pememcharan television sa-achara dekat.

PENGERUSI JAWATANKUASA HARI KEPUTERAAN D. Y. M. M. KE-51

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Ali bin Awang Besar telah di-lantek sa-mula menjadi pengerusi jawatankuasa perayaan2 sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang ke-51 bagi tahun ini.

Jawatankuasa sambutan itu mengandungi 57 orang anggota, kebanyakan dari mereka berkhidmat dalam jawatankuasa yang lampau.

SAMBUTAN MAULUD NABI DI-TUTONG

TUTONG — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh menyeru umat Islam di-dalam daerahnya supaya menyokong kerajaan.

Pegawai daerah itu berkata demikian ketika berucap di-hadapan kira2 dua ribu umat Islam dalam satu rapat umom yang di-adakan di-padang Tutong pada hari Ahad lepas kerana menyambut Maulud Nabi s.a.w.

Pengiran Othman berkata, beliau gembira menyaksikan bahawa

hari Maulud Nabi telah di-jadikan satu peristiwa untuk menunjukkan semangat perpaduan ugama di-kalangan umat Islam.

Ini, kata beliau ada-lah selaras dengan perlembagaan negara yang mensharatkan bahawa Islam adalah ugama rasmi negeri ini.

Pengiran Othman berkata, beliau berharap umat Islam di-Tutong akan sentiasa mengikut dan patoh kapada ajaran2 Nabi Mohammad s.a.w. dan hidup dengan chontoh2 yang di-tunjokkan oleh Baginda.

Turut serta menyampaikan ucapan dalam rapat umom itu ia-lah pengerusi Jawatankuasa Perayaan Hari Keputeraan Nabi perengkat daerah, Mudim Haji Adnan bin Haji Mokti Kadhi Tutong, dan Awang Abdul Hamid bin Bakal, pegawai penerangan dari jabatan Hal Ehwal Ugama.

Gambar bawah kelihatan pasokan2 yang mengambil bahagian ketika perarakan mula bergerak yang di-dahului oleh pasokan Pencharagam Pulis Di-Raja Brunei.

